

26/07/1999

Isu kontroversi jadi modal parti lawan

SHAH ALAM, Ahad - Parti pembangkang terutama Pas tidak akan berjaya memperdayakan rakyat dengan pelbagai isu yang bertujuan menimbulkan kekeliruan terhadap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan pemimpin kerajaan lain.

Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Wira Mohd Ali Rustam, berkata Pas sudah beberapa kali cuba menimbulkan isu kontroversi dalam usaha membangkitkan keraguan rakyat terhadap pimpinan Dr Mahathir.

Bagaimanapun, katanya, percubaan Pas itu terus gagal kerana dapat ditangkis oleh Perdana Menteri.

Menurutnya, Pas kini beralih pula kepada isu bekas Pengarah Urusan Perwaja Steel Sdn Bhd, Tan Sri Eric Chia sebagaimana isu kediaman rasmi Perdana Menteri di Putrajaya, hasrat untuk melelongkan Putrajaya serta mahu membawa Perlis keluar dari Malaysia.

"Sekarang mereka membangkitkan pula persoalan mengatakan Dr Mahathir mahu melindungi Eric Chia sebagai satu usaha mahu memesongkan rakyat. Mereka tidak sepatutnya membuat tuduhan begitu jika tiada bukti yang sah.

"Tiada sebab Perdana Menteri mahu melindungi Eric Chia, jika dia salah saya percaya tindakan akan diambil," katanya ketika melancarkan Desa Wawasan Bukit Naga, di sini, hari ini.

Berikutan itu, beliau mengingatkan Pas supaya jangan cuba menimbulkan sebarang isu tanpa usul periksa.

(END)